

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN  
RASMI KILANG SYARIKAT GOODYEAR  
MALAYSIA BERHAD DI SHAH ALAM,  
SELANGOR PADA 18HB MEI, 1974

Y.M. Tengku Tan Sri Razaleigh, Mr C. J. Pilliod, Y.B. Menteri-  
menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak  
terimakasih kepada Syarikat Goodyear Malaysia Berhad kerana  
sudi menjemput saya merasmikan pembukaan kilangnya pagi ini.  
Peristiwa pada pagi ini tentulah membawa makna yang besar  
kepada PERNAS dan juga kepada Goodyear Tyre and Rubber  
Company yang bersama-sama menjalankan projek ini yang mana  
telahpun berhasil hari ini. Kelahiran Goodyear Malaysia Berhad  
menandakan satu lagi paras kemajuan kepada PERNAS semenjak  
badan itu ditubuhkan dan tidaklah salah kalau dikatakan bahawa  
projek ini ialah yang terbesar sekali antara syarikat-syarikat  
gabungan PERNAS pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi  
tahniah kepada kedua-dua pihak iaitu Goodyear Tyre and Rubber  
Company dan PERNAS atas kerjasama mereka dan pandangan  
jauh yang ternyata dalam joint-venture ini, lebih-lebih lagi oleh  
kerana mengingat bahawa syarikat ini menjalankan fungsi dua  
serentak iaitu menggunakan bahan mentah getah yang mana kita  
terkenal sebagai negara pengeluar yang terbesar di dunia ini dan  
di samping itu sebahagian besar pengeluarannya adalah untuk  
diekspot.

I would like to congratulate both Goodyear Tyre and Rubber  
Company and PERNAS for their co-operation in this major  
venture and their foresight in the sense that this enterprise further  
enhances our natural rubber industry. We are happy to have with  
us Mr Pilliod who has come all the way from the States to be  
together with us on this auspicious occasion. I wish him a pleasant  
stay in Kuala Lumpur and in Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Semenjak Kerajaan melancarkan program perindustrian atau  
industrialisation programme tidak lama dulu, kita telah melihat

sedikit sebanyak kejayaan menarik pelabur-pelabur dari luar negeri supaya turut bersama-sama dalam pembangunan negara. Untuk tujuan inilah maka kita mengirinkan beberapa rombongan ke negara-negara tertentu di Eropah, Amerika dan juga Jepun, sebagai menambah usaha-usaha yang dijalankan selama ini oleh Investment Promotion Centre di New York dan di Dusseldorf untuk memperkenalkan Malaysia kepada entrepreneurs di Amerika dan Eropah.

Pada tahun lalu kita telah meneroka satu langkah baru ke arah matalamat ini dengan mengadakan Investment Conference buat pertama kali di Zurich yang dipimpin oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin. Rancangan yang sama telah pula dijalankan setelah itu di Jepun dan Scandinavia. Saya puashati bahawa hasil daripada langkah-langkah yang kita ambil itu sudahpun dapat dilihat. Dalam tahun 1973, terdapat dua puluh lima buah syarikat-syarikat besar dari Jepun, Jerman, Italy, Switzerland, United Kingdom dan United States. Firma-firma ini termasuklah nama-nama besar seperti Marubeni, Siemens dan C. Itoh; dan saya percaya usaha-usaha kita selanjutnya melalui Investment Conference itu akan membawa kejayaan yang lebih bermakna lagi.

As I was saying, a new feature in our industrialisation drive is the holding of special investment conferences in the major financial centres of the world. The first conference took place in Zurich last year at which our former Minister of Finance, Tun Tan Siew Sin, was himself present. Later on two investment conferences were held in Japan and the Scandinavian countries and these have contributed immensely in generating investment interest and publicising Malaysia as an investment centre.

The success we have seen as a result of these Investment Conferences and likewise the good work of our Investment Promotion Centres has convinced us of the need to intensify these efforts in 1974. Only recently our Deputy Minister of Trade and Industry was in San Francisco to inaugurate the new Investment Promotion Office and in due course we plan to hold a series of Conferences in other major cities in the States, in Western Europe and also in Australia and New Zealand. At the same time, we hope to open Investment Promotion Offices in London and possibly in Paris and Sydney.

Another new development in our investment drive is the special emphasis given to West Asia region. Malaysia has always maintained close and friendly relations with these countries which have tremendous goodwill towards Malaysia. The abundant capital resources available in these countries particularly Saudi Arabia, Kuwait and other countries in the Gulf area as well as Pakistan can be beneficially combined with local interests in viable joint-venture projects. Our indigenous petroleum industry will be able to benefit immensely from the rich technological expertise and experience of the Arab oil-producing nations. The current energy crisis accelerates the drive to attract foreign investors in off-shore operations where as we know there have been several successful oil strikes recently.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Adalah nyata sepertimana yang seringkali saya katakan bahawa matalamat kita hendak menyusun semula masyarakat serta memodenkan masyarakat terletak kepada kejayaan dalam bidang perindustrian. Meskipun untuk beberapa lama kita harus bergantung kepada sektor pertanian tetapi adalah terang dan nyata bahawa masa depan negara ini, dan juga negara-negara membangun amnya, hanyalah dapat terjamin dengan menukarkan corak ekonomi dari pertanian kepada perindustrian sebagaimana yang kita lihat daripada sejarah dan perkembangan negara-negara industri yang maju hari ini.

Langkah-langkah yang kita jalankan sekarang ini terutama menggalakkan setiap negeri berlumba-lumba menarik seberapa ramai pelabur tempatan dan luar negeri diharap akan mempercepat proses perindustrian di negeri masing-masing. Namun amatlah mustahak diperhatikan iaitu selain dari mengadakan essential infrastructure, pihak yang berkenaan mestilah dapat memberi keputusan yang segera mengenai sebarang permohonan terutama dari pengusaha-pengusaha luar negeri. Patut diingat bahawa proses industrialisation ini sedang berjalan di mana-mana dan kalau kita terlambat memberi keputusan, overseas investors tidak akan menunggu lebih lama tetapi akan mencari tempat lain dan peluang yang baik itu terlepas dengan percuma sahaja. Tugas ini terpulang pada Kerajaan negeri masing-masing dan Kerajaan Pusat hanya boleh membantu perkara-perkara tertentu sahaja.

Saya sukacita juga menyebut sedikit tentang regional development concept di antara Negeri-negeri di Malaysia yang baru saja

dijalankan dan saya berpuashati dengan sambutan yang ditunjukkan oleh semua pihak yang menerima concept tersebut. Tidak syak lagi, inilah satu cara yang positif untuk menjamin perkembangan yang seimbang antara kawasan yang maju dan yang kurang maju. Hal ini jelas kelihatan di Pulau Pinang di mana pada masa ini terdapat perkembangan yang sangat pesat dan Kerajaan sedang berusaha meningkatkan taraf teknologi kaum pekerjaannya supaya bersedia untuk melangkah masuk ke bidang perindustrian yang lebih sophisticated. Dengan itu labour-intensive industry dapat digalakkan pergi ke kawasan yang berdekatan seperti Kulim, Sungai Petani dan Alor Star pula supaya menggunakan potential yang ada di tempat-tempat itu dan memberi kesempatan kepada rakyat di situ.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang saya katakan awal tadi, Goodyear Malaysia ini adalah contoh yang sungguh baik sebagai resource-based industry. Kita boleh berbangga pada hari ini Malaysia bukan saja terkemuka sebagai pengeluar getah asli tetapi juga telah jauh maju di bidang rubber research hingga dapat menciptakan satu proses istimewa getah untuk tayar atau tyre rubber. Saya sangat menghargai kerjasama yang dijalankan oleh RRI yang mana telah menghasilkan getah ajaib iaitu "three-in-one" tree yang mencantumkan type yang terbaik dalam satu pohon dan juga proses yang terbaru sekali iaitu tissue cultivation. Dengan yang demikian, hasil-hasil penyelidikan atau research yang berkembang maju ini akan menjadi lebih munafaat lagi apabila dijalankan bersama dalam proses pengilangan barang-barang buatan Goodyear Malaysia ini kelak.

It is worthwhile to note that our advance research in rubber cultivation and the manufacture of specialised types of rubber such as tyre rubber process developed by RRI will be further enhanced in combination with the research and development efforts of Goodyear Tyre and Rubber Company. I am glad to know the vast reservoir of technical expertise and know-how available with Goodyear Tyre will in turn be imparted to Goodyear Malaysia so that our own boys who are beginning their career in the tyre industry will enjoy its full benefit. This is the reason our objective of selecting export-oriented resource-based industries which will help upgrade skill and technology in this country in preparation for our next phase of industrialisation.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Di samping meningkatkan perkembangan dan kemajuan perindustrian ini, Kerajaan juga sedang mengambil langkah mengadakan satu kumpulan executive Bumiputra dalam usaha mengimbangkan kedudukan pekerja pada semua peringkat. Kumpulan pertama dari executive cadre ini, yang semuanya terdiri dari siswazah belaka, akan mengakhiri latihan mereka bulan Jun ini dan bersedia memasuki lapangan perindustrian yang penuh dengan cabaran itu. Kejayaan menempatkan cadre ini di lapangan yang sesuai dengan latihan mereka amatlah mendesak dan dalam hal ini sukalah saya meminta pihak swasta supaya memberi kerjasama yang jujur dan sungguh-sungguh terhadap usaha Kerajaan melaksanakan dasar yang ditetapkan itu. Tanpa kejujuran dan kerjasama itu, nescaya akan gagal cita-cita Kerajaan yang mana mungkin akan menimbulkan reaksi yang tidak diingini.

In line with the rapid thrust of our industrialisation programmes, the Government has also taken steps to train a corp of executive cadres to meet the needs of industry. The first batch of these cadres who are all graduates will be completing their training in early June and will be ready to enter the new and challenging world of industry. It is very important to ensure the emplacement of these trainees and I sincerely look forward to more favourable response from employers particularly in the private sector to give these young people the opportunity to show their potentials compatible with their qualifications and training.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Goodyear Malaysia atas jemputan ke majlis yang meriah ini. Begitu juga kepada para pekerja dan kakitangan yang turut berpenat lelah menjadikan upacara petang ini satu peristiwa kenang-kenangan kepada semua.

Dengan ini, saya sukacita merasmikan Kilang Syarikat Goodyear Malaysia Berhad ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein dan Tuan Chou En-Lai, Perdana Menteri Republik Rakyat China, sedang berjabat tangan setelah menandatangani Perjanjian yang memetralkan hubungan Diplomatik di antara Malaysia dan China di Peking pada 31hb Mei, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)